



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051  
(KPPV)  
Email: kp@dvs.gov.my



---

## KENYATAAN MEDIA

### MEMORANDUM KERJASAMA ANTARA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) DAN DUTCH LADY MILK INDUSTRIES BERHAD

1. Industri ternakan merupakan antara industri yang penting dalam agromakanan negara dengan nilai sumbangan kepada **Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bernilai RM15 billion**. Daripada nilai tersebut sebanyak **RM68 juta adalah dari industri tenusu**.
2. Industri tenusu mempunyai potensi terbaik untuk dimajukan. Peningkatan pengeluaran susu segar daripada 27 juta liter (2010) kepada 42 juta liter (2020), di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 dan Rancangan Malaysia Ke-11, menjadi landasan kukuh untuk Kerajaan terus meningkatkan pengeluaran susu segar dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Pada masa ini, **tahap sara diri (SSL) susu negara adalah pada tahap 62%**.
3. Permintaan terhadap susu segar semakin meningkat saban tahun, mendorong **Kerajaan untuk menggubal dasar dan strategi ke arah meningkatkan pengeluaran susu segar bagi mengurangkan kebergantungan import**.
4. Melalui Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenusu Negara yang dirangka dalam Rancangan Malaysia Ke-12, **Kerajaan mensasarkan pengeluaran susu segar tempatan dapat ditingkatkan dengan pertambahan 20 juta liter dalam tempoh lima tahun**.
5. Dasar dan strategi yang dirangka tertumpu bukan hanya untuk meningkatkan pengeluaran, malahan mengambil kira peningkatan kualiti susu segar yang dihasilkan di peringkat ladang dan pengendalian di sepanjang rangkaian nilai.
6. MAFI juga telah mengenalpasti beberapa hala tuju baharu dalam sektor ternakan yang merangkumi **penubuhan Lembaga Ruminan Negara** untuk meningkatkan pengeluaran daging dan susu.
7. Memorandum Kerjasama yang dimeterai antara Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Dutch Lady Milk Industries Berhad **berasaskan konsep 'public private partnership'** diharap dapat membantu merangsang peningkatan pengeluaran dari aspek kuantiti dan kualiti susu segar serta boleh dijadikan model untuk dicontohi oleh pemain industri lain.

8. Perkembangan positif industri tenusu juga dapat dilihat melalui pelaksanaan program minuman susu yang diperbuat daripada **100 peratus susu segar tempatan yang dibekalkan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah terpilih melalui Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bermula Jun 2019** di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
9. Komitmen berterusan daripada pihak Kerajaan bersama-sama dengan pemain-pemain industri akan dapat terus **memartabatkan lagi sektor agromakanan dan sekuriti makanan negara secara keseluruhannya.**

**Jabatan Perkhidmatan Veterinar**  
**2 April 2021**